BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No Ruj.: 05/16/05

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1200 hari Jumaat, 13 Mei 2016

PERKEMBANGAN EKONOMI DAN KEWANGAN DI MALAYSIA PADA SUKU PERTAMA 2016

TINJAUAN KESELURUHAN

Pada suku pertama 2016, ekonomi global berkembang pada kadar sederhana dalam keadaan turun naik pasaran kewangan yang tinggi. Ekonomi maju terus meningkat dengan sederhana, ketika kadar pertumbuhan masih dipengaruhi oleh kesan buruk berkaitan krisis, termasuk keberhutangan yang tinggi dan pasaran pekerja yang lemah. Di Asia, aktiviti ekonomi berkembang pada kadar yang lebih sederhana disebabkan sebahagiannya oleh eksport yang lemah. Dalam keadaan perkembangan ini, beberapa ekonomi telah meningkatkan rangsangan untuk menyokong pertumbuhan.

Ekonomi Malaysia berkembang 4.2% pada suku pertama 2016

Ekonomi Malaysia berkembang 4.2% pada suku pertama 2016 (S4 2015: 4.5%). Pertumbuhan yang sederhana sedikit ini mencerminkan kejutan luaran terhadap ekonomi dan perbelanjaan berhati-hati oleh sektor swasta. Dari segi penawaran, pertumbuhan terus dipacu oleh sektor ekonomi utama. Berdasarkan asas suku tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak 1.0% (S4 2015: 1.2%).



Aktiviti sektor swasta terus menjadi pemacu utama pertumbuhan meskipun kadar pertumbuhan menjadi sederhana dalam keadaan pelarasan yang berterusan dalam ekonomi. Penggunaan swasta berkembang 5.3% (S4 2015: 4.9%), disokong oleh pertumbuhan yang berterusan dalam upah dan guna tenaga. Pelaburan swasta meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 2.2% (S4 2015: 4.9%). Ini disebabkan terutamanya oleh sentimen perniagaan yang berhati-hati dan pelaburan yang lebih rendah dalam sektor perlombongan huluan. Pertumbuhan penggunaan awam meningkat kepada 3.8% pada suku pertama (S4 2015: 3.3%) disebabkan oleh perbelanjaan yang tinggi untuk emolumen. Walau bagaimanapun, pelaburan awam merosot 4.5% (S4 2015: 0.4%), disebabkan perbelanjaan yang lebih rendah untuk harta tetap oleh perusahaan awam.

Dari segi penawaran, sektor ekonomi utama mencatat pertumbuhan yang sederhana. Sektor perkhidmatan mencatat pertumbuhan yang mampan disebabkan oleh permintaan dalam negeri yang terus berkembang. Pertumbuhan dalam sektor perkilangan disokong oleh pertumbuhan berterusan dalam industri berorientasikan eksport dan berorientasikan pasaran dalam negeri, walaupun pada kadar pertumbuhan yang lebih perlahan. Sektor pertanian mencatat penguncupan, apabila keadaan cuaca buruk telah mengakibatkan pengeluaran minyak sawit yang lebih rendah. Sektor perlombongan beralih arah untuk mencatat pertumbuhan kecil yang positif berikutan pengeluaran gas asli yang meningkat.

Inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), lebih tinggi pada 3.4% pada suku pertama 2016. Ini disebabkan oleh pengurangan rebat untuk tarif elektrik pada bulan Januari 2016 dan kesan asas tahunan daripada penurunan harga bahan api dalam negeri yang lebih besar pada S1 2015.

Lebihan perdagangan berjumlah RM23.9 bilion pada suku pertama 2016 (S4 2015: RM30.6 bilion). Eksport kasar terus meningkat (1.0%; S4 2015: 8.1%), disokong terutamanya oleh pengembangan yang berterusan dalam eksport perkilangan, meskipun penguncupan yang lebih besar dalam eksport komoditi. Sementara itu, import kasar menguncup sedikit, iaitu sebanyak 0.4% (S4 2015: 3.5%), mencerminkan terutamanya penurunan import barangan modal dan barangan pengantara.

Rizab antarabangsa BNM berjumlah RM381.6 bilion (bersamaan dengan USD97.0 bilion) pada 31 Mac 2016. Paras rizab ini telah mengambil kira pelarasan suku tahunan bagi perubahan penilaian semula pertukaran asing. Pada 29 April 2016, kedudukan rizab berjumlah RM381.4 bilion (bersamaan dengan USD97.0 bilion). Paras rizab antarabangsa ini kekal lebih daripada mencukupi untuk memudahkan urus niaga antarabangsa. Paras ini memadai untuk membiayai 7.9 bulan import tertangguh, iaitu jauh lebih tinggi daripada

paras ambang antarabangsa 3 bulan. Paras rizab ini juga mencukupi untuk memenuhi obligasi luaran dengan perlindungan rizab kepada hutang luar negeri jangka pendek sebanyak 1.2 kali. Penting untuk diketahui bahawa bukan semua hutang jangka pendek memerlukan tuntutan segera terhadap rizab memandangkan peminjam mempunyai aset luaran dan perolehan eksport.

Kadar faedah kekal stabil

Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada 3.25% pada suku pertama 2016. Pada kadar semasa OPR ini, keadaan monetari terus menyokong aktiviti ekonomi. Kadar antara bank bagi tempoh matang yang lebih panjang terus meningkat pada bulan Januari, mencerminkan persaingan yang berterusan untuk pendanaan yang stabil dan pengagihan mudah tunai yang tidak sekata antara bank. Pengurangan Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement, SRR) berkuat kuasa pada 1 Februari 2016 mendorong peningkatan paras mudah tunai secara menyeluruh dalam sistem perbankan. Ini menyebabkan aktiviti pemberian pinjaman antara bank yang meningkat dalam pasaran wang dan mengurangkan sedikit tekanan terhadap Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Interbank Offered Rates, KLIBOR). Kadar asas (base rate, BR) purata bank pada akhir suku pertama meningkat sedikit, mencerminkan semakan menaik terhadap BR berikutan kadar KLIBOR yang lebih tinggi pada akhir tahun 2015.

Wang secara luas atau M3 meningkat sebanyak RM9.8 bilion pada asas suku tahunan untuk mencatat kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 0.9% pada akhir bulan Mac (akhir bulan Disember 2015: 2.6%). Peningkatan M3 yang lebih perlahan ini mencerminkan terutamanya pemberian kredit yang sederhana kepada sektor swasta oleh sistem perbankan. Paras lebihan mudah tunai yang ditempatkan di BNM kekal lebih daripada mencukupi dan secara relatif stabil pada suku pertama.

Pada suku pertama, jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal berjumlah RM286.6 bilion (S4 2015: RM331.4 bilion). Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan Sekuriti Hutang Swasta (Private Debt Securities, PDS) terkumpul berkembang 7.6% pada akhir bulan Mac (akhir bulan Disember 2015: 8.6%). Pinjaman perniagaan terkumpul meningkat pada kadar tahunan yang lebih perlahan sebanyak 5.2% pada akhir bulan Mac (akhir bulan Disember 2015: 8.0%) disebabkan oleh pertumbuhan yang lebih kukuh dalam pembayaran balik pinjaman berbanding dengan pengeluaran pinjaman. Paras pinjaman yang dikeluarkan kepada perniagaan meningkat pada kadar tahunan sebanyak 1.1% kepada RM191 bilion pada suku pertama (S4 2015: RM189 bilion). Pertumbuhan pinjaman isi rumah terkumpul menurun kepada 6.4% pada akhir

bulan Mac (akhir bulan Disember 2015: 7.7%), mencerminkan terutamanya pemberian pinjaman yang sederhana untuk *pembelian sekuriti, pembelian harta tanah bukan kediaman* dan *kemudahan kad kredit.* Dana bersih yang diperoleh melalui pasaran modal menurun kepada RM25.4 bilion pada suku pertama (S4 2015: RM51.4 bilion), apabila terbitan sektor awam yang lebih tinggi telah diimbangi oleh pembiayaan sektor swasta yang lebih rendah dalam pasaran hutang dan ekuiti.

Ringgit dan mata wang serantau yang lain menambah nilai berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) pada suku pertama, disebabkan oleh prestasi ekonomi AS yang lebih lemah daripada jangkaan. Ini menyebabkan jangkaan bahawa Federal Reserve akan mengambil langkah yang lebih perlahan untuk mengembalikan kadar faedah ke paras yang wajar. Walau bagaimanapun, ringgit menambah nilai jauh lebih ketara berbanding dengan mata wang utama dan serantau yang lain. Ini disebabkan oleh pengumuman data ekonomi negara yang positif, pemulihan harga minyak mentah Brent dan pengumuman Pengubahsuaian Bajet 2016. Faktor-faktor ini meningkatkan sentimen pelabur terhadap ekonomi Malaysia dan mendorong kepada peningkatan permintaan terhadap aset kewangan dalam ringgit.

Secara keseluruhan, ringgit menambah nilai sebanyak 9.4% berbanding dengan dolar AS pada suku pertama. Ringgit juga menambah nilai berbanding dengan paun sterling (13.1%), euro (5.7%), dolar Australia (4.4%) dan yen Jepun (2.2%). Berbanding dengan semua mata wang serantau, ringgit juga menambah nilai antara 4.6% hingga 9.0%.

Kestabilan kewangan dalam negeri terus terpelihara

Sistem kewangan Malaysia kekal berdaya tahan terhadap potensi risiko yang berkaitan dengan kesan limpahan daripada prospek pertumbuhan global yang lebih lemah dan turun naik yang berterusan dalam pasaran kewangan dan komoditi antarabangsa. Risiko domestik secara amnya terus menjadi sederhana. Walau bagaimanapun, keadaan perniagaan yang lebih mencabar dan kos yang semakin meningkat dijangka memberikan kesan kepada prestasi pendapatan dan pinjaman institusi kewangan pada masa hadapan, dan akan memerlukan pengawasan yang rapi. Amalan pengunderaitan yang teguh, yang dilaksanakan oleh institusi kewangan akan terus memberikan sokongan padu kepada pengantaraan kewangan domestik. Mudah tunai dalam sistem perbankan yang lebih daripada mencukupi telah memberikan sokongan yang berterusan kepada pertumbuhan kredit dan keadaan pasaran yang teratur. Keupayaan membayar balik hutang oleh sebahagian besar peminjam kekal kukuh, dengan pinjaman terjejas bersih kekal stabil pada 1.2% daripada jumlah pinjaman bank.

Permodalan institusi kewangan kekal kukuh dan mencukupi untuk menyerap kemungkinan kerugian daripada perkembangan buruk dalam keadaan

kewangan dan ekonomi. Bagi bank, nisbah modal ekuiti biasa kumpulan 1 (common equity tier-1 capital), modal Kumpulan 1 (tier-1 capital) dan jumlah modal bank kekal jauh melebihi paras pengawalseliaan minimum, masing-masing pada 13.0%, 13.9% dan 16.5%. Nisbah kecukupan modal bagi sektor insurans dan takaful kekal kukuh pada 242.6% (S4 2015: 245.4%). Institusi kewangan terus berada pada kedudukan yang baik untuk menghadapi sebarang kejutan makroekonomi dan kewangan yang buruk, dengan penampan modal yang digabungkan sebanyak RM170.4 bilion pada akhir S1 2016 (bank: RM121.9 bilion; penanggung insurans dan pengendali takaful: RM48.5 bilion).

Permintaan dalam negeri akan terus menjadi pemacu utama pertumbuhan

Secara keseluruhan, risiko pertumbuhan ekonomi global menjadi lebih perlahan masih tinggi. Kelemahan ekonomi dari segi kitaran dan struktur terus menjejaskan pertumbuhan ekonomi utama, di samping ketidakpastian dalam hala tuju harga tenaga dan peningkatan risiko geopolitik. Melangkah ke hadapan, walaupun ekonomi global diunjurkan bertambah baik, kadar pertumbuhan dijangka menjadi sederhana dan tidak sekata. Di sebahagian besar Asia, pertumbuhan akan dipacu oleh permintaan dalam negeri dengan sokongan dasar yang berterusan.

Melangkah ke hadapan, ekonomi Malaysia dijangka kekal pada landasan pertumbuhan yang mampan antara 4-4.5%, meskipun persekitaran ekonomi pada peringkat global dan dalam negeri semakin mencabar. Permintaan dalam negeri akan terus menjadi pemacu utama pertumbuhan, disokong terutamanya oleh perbelanjaan sektor swasta. Walau bagaimanapun, penggunaan dalam negeri dijangka berkembang pada kadar sederhana apabila isi rumah terus membuat pelarasan terhadap kos sara hidup yang lebih tinggi. Pelaburan keseluruhan juga dijangka meningkat pada kadar lebih perlahan tetapi akan terus disokong oleh pelaksanaan projek-projek pembangunan infrastruktur dan perbelanjaan modal dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Ketidakpastian dalam persekitaran luaran dan pelarasan ekonomi dalam negeri yang berterusan akan menyebabkan risiko pertumbuhan menjadi lebih perlahan.

Bank Negara Malaysia
13 Mei 2016

KDNK Mengikut Aktiviti Ekonomi (pada harga malar tahun 2010)

	Bahagian 2015 (%)	2015			2016
		S1	S4	Tahun	S1
		Perubahan tahunan (%)			
Perkhidmatan	53.5	6.4	5.0	5.1	5.1
Perkilangan	23.0	5.6	5.0	4.9	4.5
Perlombongan	9.0	9.7	-1.3	4.7	0.3
Pertanian	8.9	-4.1	1.5	1.2	-3.8
Pembinaan	4.4	9.6	7.4	8.2	7.9
KDNK Benar	**100.0**[1]	**5.7**	**4.5**	**5.0**	**4.2**
KDNK Benar (Suku tahunan terlaras secara bermusim)	**-**	**1.4**	**1.2**	**-**	**1.0**

[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar tahun 2010)

	Bahagian 2015 (%)	2015			2016
		S1	S4	Tahun	S1
		Perubahan Tahunan (%)			
Permintaan Dalam Negeri					
Agregat (tidak termasuk stok)	91.6	8.0	4.0	5.1	3.6
Sektor Swasta	69.2	9.6	4.9	6.1	4.5
Penggunaan	*52.4*	*9.0*	*4.9*	*6.0*	*5.3*
Pelaburan	*16.9*	*11.6*	*4.9*	*6.4*	*2.2*
Sektor Awam	22.4	2.6	2.1	2.1	0.4
Penggunaan	*13.5*	*4.1*	*3.3*	*4.4*	*3.8*
Pelaburan	*8.9*	*0.6*	*0.4*	*-1.0*	*-4.5*
Eksport Bersih	8.6	-10.1	4.3	-3.8	-12.4
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	*72.9*	*-0.6*	*4.0*	*0.6*	*-0.5*
Import Barangan dan Perkhidmatan	*64.3*	*0.9*	*4.0*	*1.2*	*1.3*
KDNK	**100.0**	**5.7**	**4.5**	**5.0**	**4.2**
KDNK (Suku tahunan terlaras secara bermusim)	**-**	**1.4**	**1.2**	**-**	**1.0**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia